

Miti Berusaha Tarik Lebih Banyak Pelaburan Asing Berteknologi Tinggi

Bernama

Jun 21, 2014

SEREMBAN, 21 Jun (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed Malaysia berkata kementeriannya kini sedang berusaha menarik lebih banyak lagi pelaburan dalam bidang berintensifkan pengetahuan dan yang memerlukan tenaga mahir.

Mustapa berkata selain Jepun dan negara Eropah terutamanya Jerman, kerajaan kini sedang menarik pelabur dari China memandangkan banyak syarikat Malaysia melabur di negara tersebut (China), manakala pelaburan dari Amerika Syarikat juga semakin meningkat sejak kebelakangan ini.

"Antara daya tarikan syarikat asing melabur di negara ini ialah kestabilan politik, infrastruktur yang lengkap dan beberapa insentif menarik yang ditawarkan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang Messier-Bugatti Dowty (M) Sdn Bhd (Messier-Bugatti) dan Akashi Kikai (M) Sdn Bhd (Akashi Kikai) di kawasan perindustrian Sendayan Techvalley di sini, hari Sabtu.

Lawatan tersebut bertujuan antara lainnya meninjau sendiri operasi, permasalahan dan kemajuan hasil pelaburan dua syarikat berkenaan kerana ia melibatkan industri berteknologi tinggi dengan potensi kolaborasi bersama perusahaan tempatan dalam rangkaian rangkaian bekalan.

Beliau melahirkan rasa bangga kerana kawasan perindustrian berteknologi tinggi Sendayan Techvalley itu telah berjaya menarik banyak pelabur asing.

Setakat ini terdapat lima syarikat asing termasuk Messier-Bugatti dan Akashi Kikai yang telah melabur di Sendayan Techvalley melibatkan nilai pelaburan kira-kira RM1.23 bilion.

"Sebenarnya kita memerlukan banyak lagi kawasan perindustrian sebegini untuk merencanakan lagi iklim pelaburan asing ke negara ini. Sendayan Techvalley telah memberi banyak sumbangan ke arah itu," katanya.

Katanya Sendayan Techvalley memiliki keluasan 400 hektar di mana beliau difahamkan

328 hektar kawasan itu telah dipenuhi dan baki 72 hektar masih kosong.

Beliau yakin kawasan perindustrian itu akan penuh sedikit masa lagi kerana kedudukan strategiknya berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pelabuhan Klang, dan rangkaian jalan raya yang baik.

Mengenai lawatan ke kilang Akashi Kikai, beliau berkata syarikat Jepun itu melabur sebanyak RM160 juta untuk membuat transmisi automatik kawalan elektronik bagi kereta Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua).

"Sebelum ini transmisi ini diimport dari Jepun. Jadi, sekarang ini sudah mula menggunakan transmisi yang dibuat dari Malaysia. Kita berharap satu hari nanti transmisi yang dibuat di Sendayan Techvalley akan menggantikan kesemua transmisi diimport," katanya.

Mengenai lawatan ke kilang Messier-Bugatti pula, beliau berkata syarikat Perancis itu mengeluarkan brek karbon dan bahagian-bahagian untuk kapal terbang.

Katanya dengan adanya kilang itu di sini, Malaysia Airlines (MAS) dan syarikat penerbangan lain tidak lagi perlu menghantar pesawat ke Kentucky, Amerika Syarikat dan Leon, Perancis untuk membaiki kerosakan brek.

Katanya syarikat berteknologi tinggi ini dijangka mengeluarkan 300 tan brek kapal terbang menjelang 2016.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048198>